KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

# KENYATAAN MEDIA

## YB TIMBALAN MENTERI I PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## PROGRAM TINJAUAN DAN PENYERAHAN BANTUAN MARA

11 September 2021 – Tujuan utama program hari ini adalah bagi menjalankan tinjauan serta penyerahan surat moratorium pembiayaan perniagaan MARA dan surat pengecualian sewa dan diskaun sewa 30% MARA dibawah program strategi memperkasa rakyat dan ekonomi tambahan (PEMERKASA) serta penyerahan bantuan Skim Pembiayaan Perniagaan Prihatin Mikro (S3P) dan Pelaksanaan Skim Pembiayaan Khas Wanita (DanaNITA). Selain menyampaikan bantuan, program hari ini juga membolehkan saya bersemuka secara terus bersama dengan usahawan-usahawan bumiputera, bagi mendapatkan maklumbalas tentang keberkesanan skim-skim bantuan anjuran MARA semasa pandemik Covid-19 ini.

Bagi moratorium pembiayaan perniagaan MARA di Negeri Pahang, seramai 428 usahawan akan menerima moratorium pembiayaan perniagaan yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM 1.66 juta secara keseluruhan. Manakala bagi insentif pengecualian sewa dan diskaun sewa 30%, seramai 473 orang penyewa semasa akan menerima manfaat dan melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM 733 ribu.

Bagi penyerahan Skim Pembiayaan Perniagaan Prihatin Mikro (S3P) dan Pelaksanaan Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) dalam Negeri Pahang, sebanyak RM 1.175 juta telah diluluskan di bawah program S3P kepada 34 usahawan dan sebanyak RM 600 ribu diperuntukkan kepada 22 usahawan di bawah program DanaNITA.

Bantuan-bantuan yang dilaksanakan oleh MARA ini merupakan sebahagian daripada siri bantuan yang telah sebelum ini diumumkan oleh pihak kerajaan melalui Pakej PEMERKASA dan PEMULIH yang bertujuan membantu usahawan bumiputera yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Semoga skim-skim bantuan yang disampaikan melalui MARA memberi manfaat kepada usahawan-usahawan bumiputera dan menjadi pembakar semangat demi terus menempa kejayaan dalam bidang perniagaan.

-Tamat-

**YB DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD**
**TIMBALAN MENTERI I**
**PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**11 SEPTEMBER 2021**